

## ADAB PERCAKAPAN DAN PERKEMBANGAN BAHASA ANAK-ANAK

Rabiatul 'Adawiyah Mat Yusoff  
Nurul Faridah Abdullah Hamami  
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

### Suggested Citation:

Mat Yusoff, R. 'A., Abdullah Hamami, N. F., & Jasmi, K. A.(2012). Adab percakapan dan perkembangan bahasa anak-anak in *Prosiding Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 22 September 2012, pp. 213-238. ISBN 978-967-0194-24-0 .

### Abstrak

Melindungi fizikal, mental dan perasaan anak-anak daripada disakiti atau dilukai adalah tanggungjawab ibu bapa. Perbuatan ibu bapa seperti terpaksa atau sanggup tidak bercakap benar dengan memberi alasan yang kadangkala tidak munasabah. Adalah tidak baik untuk perkembangan anak-anak. Merujuk kepada perspektif Islam dalam fokus perbincangan ini menjawab beberapa pertanyaan anak-anak mengenai perkara-perkara yang boleh menimbulkan kesukaran dalam penjelasan atau rasa bimbang kepada anak-anak jika mereka mengetahui jawapan yang sebenar. Ibu bapa dapat menjauhkan diri anak-anak mengenai perkara yang tidak sepatutnya dilakukan oleh anak-anak tersebut atau dapat berbincang dengan mereka apabila mereka melakukan perkara yang tidak sepatutnya, hanya merujuk pembelajaran bagaimana memberi dan menerima pendapat dengan berhemah dan juga bagaimana bercakap dengan hormat mengenai perbezaan seseorang itu. Fokus perbincangan tajuk ini menyelesaikan beberapa perkara serius dalam membesarkan anak-anak, termasuk seks, duit dan cara bertolak ansur. Walau bagaimanapun, ianya menekankan perspektif adab-adab yang sopan terutama untuk bercakap dan menceritakan sesuatu perkara itu. Perbincangan ini akan merungkai beberapa perkara termasuk memberitahu hal yang sebenar kepada anak-anak, iaitu perspektif Islam terhadap perbuatan tersebut, kaedah-kaedah penyelesaian yang sesuai dengan pandangan Islam terutamanya cara menjawab apa-apa pertanyaan daripada anak-anak.

# 11

## ADAB PERCAKAPAN DAN PERKEMBANGAN BAHASA ANAK-ANAK

Rabia'tul 'Adawiyah Mat Yusoff  
Nurul Faridah Abdullah Hamami  
Kamarul Azmi Jasmi

### Abstrak

*Melindungi fizikal, mental dan perasaan anak-anak daripada disakiti atau dilukai adalah tanggungjawab ibu bapa. Perbuatan ibu bapa seperti terpaksa atau sanggup tidak bercakap benar dengan memberi alasan yang kadangkala tidak munasabah. Adalah tidak baik untuk perkembangan anak-anak. Merujuk kepada perspektif Islam dalam fokus perbincangan ini menjawab beberapa pertanyaan anak-anak mengenai perkara-perkara yang boleh menimbulkan kesukaran dalam penjelasan atau rasa bimbang kepada anak-anak jika mereka mengetahui jawapan yang sebenar. Ibu bapa dapat menjauhkan diri anak-anak mengenai perkara yang tidak sepatutnya dilakukan oleh anak-anak tersebut atau dapat berbincang dengan mereka apabila mereka melakukan perkara yang tidak sepatutnya. Ianya merujuk pembelajaran bagaimana memberi dan menerima pendapat dengan berhemah dan juga bagaimana bercakap dengan hormat mengenai perbezaan seseorang itu. Fokus perbincangan tajuk ini menyelesaikan beberapa perkara serius dalam membesarkan anak-anak, termasuk seks, duit dan cara bertolak ansur. Walau bagaimanapun, ianya menekankan perspektif adab-adab yang sopan terutama untuk bercakap dan menceritakan sesuatu perkara itu. Perbincangan ini akan merungkai beberapa perkara termasuk memberitahu hal yang sebenar kepada anak-anak, iaitu perspektif Islam terhadap perbuatan tersebut, kaedah-kaedah penyelesaian*

*yang sesuai dengan pandangan Islam terutamanya cara menjawab apa-apa pertanyaan daripada anak-anak.*

## **PENDAHULUAN**

Pengetahuan, kemahiran, dan kesabaran yang tinggi dalam proses perkembangan kanak-kanak bukan sekadar melibatkan aspek fizikal malah melibatkan pelbagai aspek lain iaitu mental dan spiritual. Cabaran mendidik anak-anak sememangnya kuat dan memerlukan pendekatan yang terbaik bagi menjaga kebajikan mereka seperti perkembangan aspek fizikal dan spiritual kerana ia berkait rapat dengan pelbagai peristiwa dan persoalan yang berlegar di kotak pemikiran anak-anak.

.Ibu bapa yang prihatin tentunya merasa gelisah apabila anak-anak mereka sering bertanya tentang beberapa peristiwa dan persoalan yang mudah dijelaskan kepada orang dewasa tetapi sukar untuk dijelaskan mengikut tahap pemikiran kanak-kanak. Terdapat ibu bapa berusaha menjawab persoalan anak-anak mereka dengan berterus-terang dan menggunakan pendekatan yang berbeza daripada pendekatan yang digunakan terhadap orang dewasa.

Adab-adab yang mulia seperti percakapan yang baik dan berterima kasih, belajar untuk meminta maaf dan memaafkan, menggunakan nada suara yang sesuai, memahami topik yang sesuai untuk perbualan awam, menyampuk, bercakap tentang sesuatu perbezaan, memberi dan menerima pendapat bagi memperkukuh adab yang sopan ketika bercakap. Kemudian, aspek-aspek yang diimpikankan oleh ibu bapa dan jangkaan ibu bapa mengikut tahap umur anak-anak. Mereka yang dilahirkan sehingga mencapai umur hampir tujuh tahun lazimnya, pada peringkat ini, mereka belum lagi dapat berfikir untuk membezakan dengan jelas perkara yang baik dengan yang buruk. Di samping itu, mereka belum mampu untuk mengurus diri sendiri dan memahami sesuatu perkara dengan baik.

Menurut syariat Islam, seseorang anak-anak yang belum mencapai umur baligh dikenali sebagai kanak-kanak. Setiap kanak-kanak akan melalui dua peringkat perkembangan iaitu peringkat sebelum mumaiyiz dan peringkat mumaiyiz dan setiap peringkat pula selama tujuh tahun.

Peringkat sebelum mumaiyiz bermula sejak seseorang kanak-kanak dilahirkan sehingga umur hampir tujuh tahun. Biasanya, pada peringkat ini, kanak-kanak belum lagi dapat berfikir untuk membezakan dengan jelas perkara yang baik dan yang buruk. Manakala, peringkat mumaiyiz bermula apabila seseorang kanak-kanak itu berumur genap tujuh tahun sehingga baligh. Kanak-kanak seperti ini pandai mengurus diri sendiri seperti makan, minum, memakai pakaian, bersuci dan membersihkan diri sendiri.

Perkembangan kanak-kanak adalah satu proses pembelajaran mengenai segala aspek pertumbuhan dan perubahan manusia daripada persenyawaan hingga remaja. Bermulanya asas yang kukuh daripada kanak-kanak akan terbentuklah manusia sebagai khalifah atau pemimpin. Ketinggian martabat insan di sisi Allah S.W.T. dinilai melalui nilai sebenar kewujudan insan yang dilantik sebagai khalifah Allah di muka bumi ini, diungkapkan dalam satu kalimah yang mudah sebutannya tetapi begitu bermakna pengisian dan penghayatannya, taqwa.

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفُسُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksud: *Sesungguhnya, semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana*

(Surah al-Hujurat, 49:13)

Ayat ini menyatakan bahawa manusia yang memiliki iman yang mantap, mampu membina peradaban yang hebat sesama kaum muslimin dan dapat dicontohi. Oleh sebab itu, anak-anak mestilah

dididik oleh ibu bapa mengenai ilmu yang bermanfaat dan memupuk sifat kepimpinan sejak kecil lagi. Ilmu agama sangat dititikberatkan dalam diri anak-anak agar hidup mereka berpandukan al Quran dan hadis.

## **DEFINISI KANAK-KANAK DAN BAHASA**

Apa yang dimaksudkan dengan anak-anak kecil telah dikategorikan sebagai kanak-kanak. Definisi kanak-kanak yang dibincangkan adalah berdasarkan pandangan syarak dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam serta Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketiga, bahasa didefinisikan sebagai satu sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan kelompok manusia.

## **ASPEK PENEKANAN PERKEMBANGAN ANAK-ANAK**

Kupasan perbincangan ini merungkai beberapa aspek yang sesuai diterapkan terhadap anak-anak yang masih kecil seperti bercakap perkara yang menggembirakan dan berterima kasih, belajar untuk meminta dan menerima kemaafan, penggunaan nada suara yang sesuai, memahami topik yang sesuai untuk perbualan orang ramai, memberi dan menerima pendapat, menyampuk, dan bercakap tentang perbezaan.

Ibu bapa wajib menekankan beberapa aspek tatacara yang sopan terutama dari segi pertuturan yang sesuai terhadap anak-anak kepada orang sekeliling kerana mereka perlu mengetahui dan mempraktikkan amalan itu dengan baik sepanjang hidup mereka. Terdapat beberapa adab yang perlu dititikberatkan dalam diri anak-anak berdasarkan perbincangan yang selanjutnya.

### **Bercakap Perkara yang Menggembirakan dan Berterima Kasih**

Budak-budak kebiasaannya bersembang sesama mereka tidak sama dengan orang yang lebih dewasa. Semakin dewasa kanak-kanak itu

semakin senang mereka menarik perhatian dan mengatur pertuturan mereka dengan orang dewasa. Terdapat beberapa ayat yang penting dan sesuai mengikut masa, umur dan tempat. Penting bagi ibu bapa mengajar anak-anak nilai terima kasih, sama-sama dan kebenaran untuk meminta tolong. Tidak terlalu awal mengajar anak-anak melalui cara itu. Sematkan dalam diri anak-anak, walaupun sukar mereka mengucapkan ayat-ayat tadi, anak-anak akan mendapati seseorang itu memahami niat baik anak-anak itu sendiri.

Apabila anak-anak ingin mengambil barang daripada satu tempat ke satu tempat yang lain, tetapi ada halangan di tengah-tengah jalan, anak-anak sepatutnya menggunakan bahasa yang lebih sesuai daripada mereka terus melalui kawasan itu dengan sesuka hati. Kanak-kanak selalunya sukar memahami situasi seperti itu kerana mereka belum cukup matang. Mereka perlu diingatkan bahawa setiap ruang adalah milik bersama. Bantulah anak-anak menjadi lebih berhati-hati kepada sesiapa sahaja.

### **Belajar Untuk Meminta dan Menerima Kemaafan**

Secara amnya, kanak-kanak sukar meminta maaf kerana mereka tidak mengetahui nilai sebenar kemaafan itu. Ibu bapa hendaklah mengajar anak-anak cara meminta maaf dengan merenung mata orang tersebut dengan nada yang ikhlas. Bagi isu menerima kemaafan orang secara baik adalah sangat penting kerana dapat membuatkan orang itu berasa senang hati. Anak-anak dilarang menggosok tangan setelah berjabat tangan untuk sesi bermaafan, bimbang mengguris perasaan orang itu. Anggap sahaja kemaafan sudah dibuat dan berakhir walaupun masih kurang berpuas hati tentang kesalahan orang lain.

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ  
اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمُ

بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُم  
مِّنْهَا كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

Maksud: *Dan berpegang tegublah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai berai dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (sesama jahiliyyah dahulu) lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam) maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya”*

(Surah Ali 'Imran, 3:03)

Manusia hendaklah saling bermaaf-maafan kerana tiada manusia yang sempurna daripada tidak melakukan kesilapan. Oleh itu, anak-anak perlu diajar memberi kemaafan dan memaafkan orang lain agar mereka sedar kadang-kadang diri kita tidak betul dan tidak sedar. Jadi, anak-anak lebih beringat-ingat untuk sentiasa muhasabah diri sejak kecil untuk mengelakkan diri daripada takbur.

### **Penggunaan Nada Suara yang Sesuai**

Mengajar anak-anak berkelakuan baik apabila mereka sedang bercakap bukan masalahnya tetapi nada suara yang disampaikan oleh anak-anak mungkin tidak sesuai atau menjengkelkan bagi sesetengah individu. Anak-anak kecil hanya mengetahui dua nada iaitu kuat dan senyap. Kebiasaannya, anak-anak ini susah mengawal nada suara mereka. Contoh cara yang baik untuk mengajar anak-anak dengan nada yang sesuai ialah apabila berada situasi berbeza untuk

membantu anak-anak memahami perbezaan di antara suara di dalam dan di luar. Selepas itu, biarkan dia berlatih kedua-duanya sambil diberi peringatan oleh ibu bapa. Tidak lupa juga, kanak-kanak yang dewasa hendaklah diingatkan bahawa bercakap sopan lebih baik berbanding berteriak.

Untuk kes kanak-kanak dewasa, suara menjadi kurang masalah daripada nada bercakap. Selalunya, mereka merajuk, marah, diarah buat sesuatu yang mereka tidak suka. Ibu bapa memainkan peranan penting agar dapat memastikan penghargaan dan penghormatan yang diterapkan dalam diri anak-anak menjadi ikon suatu hari nanti. Kanak-kanak yang belajar bercakap, lebih menghormati dan mereka memerlukan latihan untuk mempraktikkan nada percakapan dengan orang lebih dewasa.

وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَأَغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ

لصوت الحمير ﴿١٩﴾

Maksud: *Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai”*

(Surah Lukman, 31:19)

Rendahkan suara ketika bercakap merupakan perbuatan yang cukup mulia. Adab sopan santun ini hendaklah setiap ibu bapa mengajarkannya kepada anak-anak.

### **Memahami Topik yang Sesuai untuk Perbualan Orang Ramai**

Memahami topik yang sesuai perlu diketengahkan dalam tiga situasi seperti perbualan di bilik air, bercakap tentang duit, dan bercakap tentang seks.



Lazimnya, kanak-kanak gemar menanyakan soalan yang sangat peribadi dan sensitif kepada ibu bapa padahal anak-anak tidak sedar bahawa soalan tersebut menjurus kepada hal yang berkaitan dengan seks. Di sini kita boleh tahu peranan kita sebagai ibu bapa untuk menjelaskan perkara itu sebelum anak-anak sendiri dapat mengetahuinya dahulu kerana bimbang mereka salah faham dan ini sangat berbahaya. Begitu juga dengan isu kewangan dan perbualan mereka di bilik air. Hal ini juga patut ditelitikan oleh ibu bapa.

### ***Perbualan di Bilik Air***

Kanak-kanak suka berbual-bual ketika berada di dalam bilik air. Mereka menghabiskan masa berjam-jam bersembang dan ketawa beramai-ramai. Tidak hairanlah orang dewasa yang sempurna pun akan berperangai seperti kanak-kanak apabila mereka berada di dalam bilik air. Kanak-kanak ingin mengetahui bagaimana badan mereka berfungsi secara semula jadi dan sihat. Kadang-kadang, kanak-kanak suka bercakap bersendirian di dalam bilik air dan ketawa kerana mereka berasa sangat bebas dan seronok. Elakkan kanak-kanak bercerita tentang hal pribadi mereka di dalam bilik air supaya orang awam tidak mentertawakan dan memandang serong terhadap anak-anak kita.

### ***Bercakap Tentang Duit***

Anak-anak hari ini lebih suka menceritakan kewangan ibu bapa mereka sendiri kepada kawan-kawan mereka dengan nada yang mengecewakan apabila cerita itu sampai ke pendengaran orang dewasa. Terdapat segelintir ibu bapa berbincang mengenai kewangan peribadi mereka dengan anak-anak tetapi ramai juga tidak menceritakan hal sebegini kepada anak-anak mereka kerana dianggap tidak baik. Terapkan dalam diri anak-anak menghagai pemberian daripada orang lain tanpa mempertikaikan harga dan fizikal barang itu. Anak-anak haruslah memuji pemberian orang lain dengain

baik supaya mereka senang hati untuk memberi lagi hadiah atau wang kepada anak-anak.

Terdapat perbezaan mengajar anak-anak anda tentang nilai wang kerana ianya sangat penting dan sememangnya menjadi satu keperluan ibu bapa mengajar anak-anak seperti menilai harga barang-barang berdasarkan kemampuan mereka. Terangkan kepada anak-anak bahawa bercakap mengenai duit yang banyak membuatkan ramai orang tidak selesa dan melabelkan anak-anak kita tidak beradab. Biarkan mereka diberi pendedahan kerana kebanyakan orang dewasa faham tentang kedua-dua jenis kewangan mereka secara peribadi atau rahsia dan anak-anak hendaklah tidak membangkitkan persoalan atau komen berkaitan hal orang dewasa. Tambahan pula, kebanyakan anak-anak mempunyai idea yang baik berkaitan dengan kewangan keluarga mereka sendiri tetapi mereka tidak cukup matang lagi dalam membuat keputusan.

### ***Bercakap Tentang Seks***

Seks adalah tajuk yang membuatkan ramai orang dewasa tidak selesa apabila anak-anak yang memulakan perbincangan. Selalunya, anak-anak berminat bercakap tentang seks apabila mereka mula berada di bangku sekolah menengah iaitu berada di alam remaja kerana pada masa itu, mereka baru mempelajari proses untuk menjadi matang dengan mendengar dan mengetahui sedikit demi sedikit mengenainya. Kebiasaannya, perbincangan anak-anak yang bersangkutan paut dengan seks bersama rakan-rakan menyebabkan banyak berlaku ketidakfahaman yang wujud. Ibu bapa hendaklah menggunakan pendekatan yang sesuai untuk menerangkan hal ini kerana mereka sememangnya layak mengetahuinya demi pengetahuan dan keselamatan. Carilah masa yang sesuai untuk memberitahu anak tentang hubungan seks dan proses kelahiran. *Masa yang paling sesuai ialah apabila anak itu sendiri yang menanyakan* (Kasmini, 1993: 72-75). Biasanya anak-anak yang sudah menjangkau umur tiga tahun dan ke atas boleh menerima sedikit fakta yang sebenar.

Kefahaman yang sepenuhnya hanya dapat diterima setelah anak berumur tujuh tahun dan ke atas. Umumnya, proses perubahan fizikal yang cepat ini mendekatkan anak-anak lelaki dan perempuan kepada alam baligh yang harus dilalui oleh setiap insane. Pemahaman tentang iman dan Islam yang lebih sempurna dan bermakna dalam diri anak-anak hendaklah dididik oleh ibu bapa itu sendiri secara berterusan dan sentiasa menasihati.

إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَبْتَلِيهِ فَجَعَلْنَاهُ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٢﴾

Maksud: *Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermulanya dari air mani yang bercampur (dari pati benih lelaki dan perempuan), serta Kami tetap mengujinya (dengan kewajiban-kewajiban) oleh itu maka Kami jadikan dia berkeadaan mendengar dan melihat.*

(Surah *al-Insan*, 76:2)

Pada mulanya manusia belum ada dan namanya belum tersebut sedikit pun. Kemudian Allah menjadikan manusia dari setitis air (mani) lelaki dan perempuan. Tidak lama kemudian jadilah manusia yang pandai mendengar dan melihat. Sebagai manusia yang diberi akal dan fikiran, mereka patut memelihara adab pergaulan sesama lelaki dan perempuan kerana syaitan akan berusaha menggoda manusia melakukan zina. Hal ini akan memudaratkan manusia dan berdosa besar.

### **Memberi dan Menerima Pendapat**

Anak turut berfikir tentang orang lain sementara orang di sekeliling anak-anak anda sedia mendengar. Menggalakkan anak-anak berani bercakap perkara-perkara yang baik mengenai orang lain adalah perkara yang harus dipuji supaya pemikiran mereka dihargai. Ibu bapa boleh membiarkan anak-anak anda mengetahui tentang

sesuatu perkara tetapi ibu bapa wajib mengolahnya kerana bimbang menimbulkan salah faham anak-anak kerana mereka sedang melalui proses pembelajaran.

### **Hanya Mengucapkan Terima Kasih**

Kebanyakan orang berpendapat menerima kritikan lebih sukar berbanding memberi kritikan. Anak-anak tidak digalakkan memberi komen segera kepada seseorang itu takut-takut membangkitkan kemarahan dan kebencian terhadap peragai anak-anak kita yang kurang sopan. Jadi, anak-anak haruslah lebih berwaspada untuk memberi pendapat di kemudian hari mengikut kesesuaian tempat dan keadaan. Apabila anak-anak semakin meningkat dewasa, mereka lebih sedar dan mampu menyangkal komen-komen yang negatif dan boleh menerangkan semula sesuatu perkara itu dengan lebih terperinci dan dapat membezakan sesuatu perkara yang baik dengan yang buruk.

### **Menyampuk**

Anak-anak mengalami kesukaran untuk mendapatkan giliran bercakap apabila mereka sudah bersedia mengutarakan pendapat. Walaupun susah, jangan terlalu cepat berputus asa apabila orang lain memarahi anak-anak apabila anak-anak kita memotong percakapan orang lain padahal situasi pada masa itu adalah sesuai. Menyampuk atau memotong orang lain bercakap adalah satu penyebab paling besar untuk anak-anak bertengkar kerana akan menimbulkan ketidakpuasan hati antara rakan-rakan lain sedangkan anak-anak kita berhak bercakap untuk perkara yang lebih baik. Antara contoh yang boleh diambil ialah mencipta pusingan yang menang untuk sesiapa yang dapat bercakap dahulu. Jadi, anak-anak lain lebih bersedia dan menunggu giliran untuk bercakap dan membuatkan situasi ini lebih tenteram. Ibu bapa sepatutnya mengajar anak-anak mengambil giliran untuk bercakap dengan menunggu dan cuba mencelah selagi ada peluang dengan sabar agar dapat melatih anak-anak bertindak balas kepada sesuatu rangsangan dan persekitaran di sekeliling mereka.

**Bercakap Tentang Perbezaan**

Anak-anak suka memerhatikan gelagat orang dewasa tetapi perkara yang paling menarik perhatian mereka ialah ada sesuatu kelainan pada seseorang itu membuatkan si anak-anak berani menceritakan perbezaan tersebut terhadap ibu bapa mereka kerana anak-anak memang jujur sekiranya menyuarakan isi hati atau pendapat. Ibu bapa perlu menerangkan semua perbezaan itu, supaya mereka mudah memahaminya untuk mengelakkan anak-anak terus bersemuka dengan orang itu untuk memberitahu apa yang tersimpan dalam kotak pemikiran mereka dan anak-anak lebih berhati-hati dalam percakapan. Jika berlaku juga, ibu bapa tidak boleh terus memarahi serta merta kepada anak-anak kerana anak-anak akan fobia dan tidak yakin dengan diri sendiri untuk bersuara lagi. Cukuplah sekadar meminta maaf bagi pihak anak-anak dan orang itu memahami keletah anak-anak kecil yang masih mentah. Selain itu, ibu bapa hendaklah mengajar anak-anak menghormati perbezaan atau keunikan seseorang itu kerana setiap orang berbeza-beza. Berfikir dengan lebih teliti untuk mengolah setiap persoalan mereka dengan membuat lawak atau memberi contoh yang mudah kerana anak-anak masih tidak mengerti erti kehidupan ini.

**AKTIVITI DAN IDEA MEMPERKUKUHKAN ADAB KETIKA BERCAKAP**

Ada beberapa aktiviti yang boleh memperkukuhkan adab ketika bercakap. Perkara ini akan dibincangkan dalam subtajuk berikut.

***Bedtime Story***

*Bedtime story* ialah merujuk kepada cerita yang ingin disampaikan oleh ibu bapa kepada anak-anak sebelum mereka tidur. Cerita pendek adalah yang disyorkan agar anak tidak cepat berasa bosan dan tidak mengganggu waktu tidur mereka.

**Jangka Umur: 2 Tahun dan ke Atas**

Aktiviti ini amat menyeronokkan bagi anak-anak tidak kira jantina mereka. Hal ini kerana anak-anak yang makin meningkat umur suka kepada benda-benda yang baru. Namun begitu ibu bapa haruslah menyampaikan cerita yang ringkas tetapi mempunyai nilai-nilai murni seperti dilarang bercakap bohong atau bersopan dalam percakapan. Kisah yang ingin diceritakan mestilah tidak memerlukan masa yang lama supaya tidak mengganggu masa tidur mereka. Ibu bapa boleh menyampaikan cerita yang terdapat di dalam Al-Quraan dengan penyampaian yang menarik atau cerita-cerita lain. Contohnya ialah kisah surah al-Nahl

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَأَشْكُرُوا  
 نِعْمَتَ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١١٤﴾

Maksud: *Oleh itu makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu mjenyembahNya semata-mata*”

(Surah *al-Nahl*, 16:114)

Potongan ayat dalam surah di menceritakan bagaimana seorang lelaki dapat berkahwin dengan seorang wanita yang sempurna imannya. Di samping itu anak-anak juga akan mengikut dan menghafaz ayat tersebut. Tambahan pula mereka dapat mengambil iktibar daripada surah tersebut.

**Judul Berita Utama**

Judul Utama Berita merujuk tajuk utama yang boleh menjadi topik perbualan. Ibu bapa harus memainkan peranan penting supaya

anak-anak dapat mengambil bahagian dalam aktiviti ini. Hal ini anak-anak harus diajar bagaimana bercakap bersesuaian dengan situasi.

### ***Jangka Umur: 3 Tahun dan ke Atas***

Permainan ini dapat menolong anak-anak supaya mengambil bahagian dalam bercakap, dan juga akan membuatkan setiap anak-anak merasa seronok dalam perbualan mereka walaupun perbualan itu bukan berkait dengan perihal mereka. Tambahan pula, perkara seperti ini dapat menjadikan pembelajaran secara tidak formal kepada mereka dalam bab perbualan (percakapan). Sebagai contoh apabila seorang anak kecil mempunyai sesuatu berita besar yang harus disampaikan kepada ibu bapa atau penjaga sama ada perihal itu berkaitan dengan salah laku mereka atau apa-apa sahaja, mereka haruslah memberitahu (melapor) dahulu tentang sesuatu perkara itu. Untuk memberi tarikan kepada mereka supaya tidak merahsiakan perkara penting kerana takut akan reaksi ibu bapa, ibu bapa haruslah memberitahu terlebih dahulu akan lebih bertolak ansur jika mereka tidak merahsiakan.

### **Suara atau Nada**

Suara (nada) merujuk kepada aktiviti perbezaan suara atau atonansi suara di rumah dan diluar rumah mengikut situasi. Aktiviti ini tidak perlu masa yang tetap kerana ia boleh dimainkan di mana-mana sahaja bersesuaian dengan tempat. Hanya memberikan mereka contoh tempat dan nada suara yang bersesuaian sahaja.

### ***Jangka Umur: 4 Tahun dan ke Atas***

Permainan ini dapat mengajar mereka tentang nada ketika bercakap di dalam dan di luar rumah. Sebagai contoh jika ibu membawa anak-anaknya ke pasar, jadi nada suara yang harus digunakan perlulah kuat. Manakala jika anak-anak berada di rumah atau di masjid, mereka hendaklah bercakap dengan nada perlahan.

**Permainan Pujian**

Permainan pujian ini sangatlah mudah kerana ia hanya memerlukan kata-kata sahaja. Dan ia perlu dibalas oleh orang yang dterima pujian itu. Aktiviti ini amat mudah dan menyeronokkan.

***Jangka Umur: 4 Tahun dan ke Atas***

Cara yang paling berkesan untuk memberi dan menerima pujian adalah dengan mempraktikkannya. Permainan ini sesuai bermain ketika berada di dalam kereta atau di meja atau di mana sahaja tempat keluarga dan anak-anak berkumpul. Sebagai permulaan ibu bapa haruslah memberi pujian kepada ahli keluarga yang lain, contohnya “Mawar, kamu mempunyai senyuman yang manis”. Mawar haruslah mengucapkan terima kasih dan dia perlu memuji ahli keluarga yang seterusnya dan begitulah orang yang seterusnya juga harus memainkan permainan pujian yang sama. Bonus: anak-anak bercakap dan mendengar perkara-perkara yang baik tentang masing-masing.

**Jangan Gunakan Nada itu dengan Saya**

Aktiviti ini akan sangat menyeronokkan tambahan pula ia akan lebih dramatis dengan lakonan ibu bapa bersama anak-anak. Ibu bapa haruslah memberi situasi tentang perkara yang akan dilakonan.

***Jangka Umur: 4 Tahun dan ke Atas***

Sebagai contoh situasi di mana reaksi seseorang pada seseorang yang lain yang tersadung /terjatuh dengan beg yang penuh dengan barang runcit. Selepas itu, ibu bapa haruslah memberitahu anak mereka bahawa mereka bebas untuk memilih karakter yang ingin dimainkan samada marah, simpati ataupun hanya tengok sahaja atau apa-apa sahaja yang mereka ingin mainkan tentang situasi itu. Permainan seperti ini adalah sebenarnya sangat bagus dan akan



lebih seronok apabila ia dimainkan didalam kereta atau di rumah supaya anak-anak tidak terasa malu atau segan apabila mereka memainkan lakonan.

### **Teka Perkataan yang Tidak Boleh Diterima**

Aktiviti ini bertujuan untuk memngajar anak-anak tentang perkataan-perkataan yang tidak elok. Mereka harus diberi pendedahan bahawa mereka tidak boleh menggunakan perkataan yang tidak elok.

#### ***Jangka Umur: 5 Tahun ke Atas***

Ini dapat menolong ibu bapa memberi contoh perangai contoh yang kamu harapkan. Dalam kes ini, untuk mengawal kanak-kanak daripada menggunakan perkataan yang tidak elok. Putuskan perkataan-perkataan yang tidak elok seperti “bodoh” dan “sial”. Ibu bapa sebenarnya tidak perlu menyenaraikan perkataan yang tidak elok, tetapi ibu bapa perlulah membuat anak-anak jelas apa itu perkataan atau ayat-ayat yang tidak boleh diterima pakai. Jika anak-anak ditangkap oleh ibu bapa kerana telah menyatakan ayat yang tidak elok, mereka hendaklah dikenakan denda seperti tidak boleh makan snek, tidak boleh menonton televisyen dan sebagainya. Sama juga jika ibu bapa yang ditangkap oleh mereka. Mereka akan berpuas hati jika ibu bapa tersalah cakap kerana mendapat hukuman yang sama dengan mereka.

### **APA YANG BOLEH DIJANGKAKAN**

Seksyen ini dibahagi kepada kumpulan umur di mana ia boleh menjadi rujukan cepat untuk ibu bapa apa yang boleh ibu bapa jangkakan atau tidak jangkakan dari anak-anak dalam penggunaan bahasa yang sesuai pada setiap keadaan. Ibu bapa biasanya mempunyai jangkakan yang tinggi terhadap anak mereka tetapi tidak munasabah sebaliknya ibu bapa yang kecewa juga. Awas!

Kadangkala kemahiran kanak-kanak dalam berbahasa mungkin di luar jangkauan kita.

### **Dari Bayi Sehingga 24 Bulan**

Dari bayi hingga 24 bulan, ibu bapa boleh jangkakan anak-anak melakukan perkara berikut (Bloom, 1990;1991 Gleitman *et al.*, 1998; Vatalian, 1991).

- (1) Mereka akan ikut hampir semua apa yang mereka dengar. Jadi, hati-hati dengan apa yang kamu cakap dan apa yang kamu modelkan untuk anak-anak dengar
- (2) Mereka akan sebut “terima kasih” (dan perkataan yang lain) jika ibu bapa modelkan kepada anak-anak. Tetapi, mereka tidak memaksudkannya dan mereka tidak boleh membalas dengan spontan
- (3) Kebanyakan bayi akan menunjukkan satu kebolehan perolehan bahasa yang pesat apabila berumur 18 bulan. Tempoh masa yang kritikal ini dikenali sebagai cetusan perbendaharaan kata.

Apabila berumur dua tahun, kanak-kanak ini sudah dapat menggunakan sekurang-kurangnya kombinasi dua patah perkataan (Bloom, 1998). Pada peringkat awal ini, kanak-kanak sudah pandai mengaplikasikan peraturan tatabahasa dalam menggunakan ayat-ayat telegrafik yang terdiri daripada kombinasi dua patah perkataan ini.

Kesimpulan daripada apa yang boleh dijangkakan ibu bapa kepada anak-anak mereka ialah mereka hampir boleh mengikut semua apa yang mereka dengarkan. Oleh itu ibu bapa haruslah berhati-hati dalam percakapan. Di samping itu ibu bapa haruslah mengawal diri daripada berkata tentang perkara yang tidak elok.

### **Dari 3 Tahun hingga 5 Tahun**

Ibu bapa boleh jangkakan anak-anak melakukan perkara berikut, iaitu anak-anak akan menyebut perkataan-perkataan seperti “minta

maaf, tolong dan terima kasih” dengan menyebutnya tetapi mereka tidak memaksudkan apa yang mereka cakapkan, Namun begitu anak-anak sudah mula dapat menerima fakta yang sebenar. *Masa yang paling sesuai ialah apabila anak itu sendiri yang menanyakannya. Biasanya kanak-kanak yang sudah menjangkau umur tiga tahun dan ke atas boleh menerima fakta yang sebenar. Kefahaman yang sepenuhnya hanya dapat diterima setelah anak berumur tujuh tahun dan ke atas.* (Kasmini, 1993: 72-25). Ketika umur ini mereka akan boleh mengingat perkataan yang biasa mereka dengar

Konklusinya, apa yang anak-anak bercakap pada tahap umur daripada tiga hingga lima tahun ini ialah mereka tidak memaksudkan dengan apa yang mereka cakapkan. Perkataan ringkas yang boleh digambarkan dalam situasi umur mereka ini ialah mengajuk balik perkataan. Oleh itu sekali lagi ibu bapa harus berwaspada dengan perkataan mereka.

### **Dari 6 Tahun hingga 7 Tahun**

Ibu bapa boleh jangkakan anak-anak melakukan perkara berikut, iaitu anak-anak akan menyebut perkataan-perkataan seperti “minta maaf, tolong dan terima kasih” dengan menyebutnya dan mereka memaksudkan apa yang mereka cakapkan. Selain itu, mereka akan menunjukkan rasa simpati terhadap orang lain termasuk haiwan, mereka juga akan kerap rasa terganggu untuk mengingat sesuatu idea lebih-lebih lagi apabila mereka rasa teruja dengan perbualan tersebut, dan akhir sekali anak-anak sudah pandai berjenaka dan ibu bapa haruslah diperingatkan mereka untuk berkata “maafkan saya”

Kesimpulan, pada tahap umur ini anak mula memahami apa yang mereka cakapkan. Mereka juga mula menunjukkan respon simpati terhadap orang mahupun binatang. Ini adalah tahap permulaan percakapan yang sebenar bagi mereka.

**Dari 8 Tahun hingga 10 Tahun**

Ibu bapa boleh jangkakan anak-anak melakukan perkara berikut, iaitu anak-anak akan mula memahami apa yang betul dan apa yang salah dalam setiap situasi yang berbeza. Anak-anak akan kurang meniru percakapan dan kurang menggayakan semula apa-apa yang ibu bapa lakukan secara konsisten sebagai mana mereka meniru dan mengikut ketika mereka di bawah 8 tahun. Seterusnya anak-anak mula akan berbangga dengan diri mereka sendiri kerana mereka menganggap mereka sudah pandai berdikari dan pakar dalam peraturan ciptaan sendiri. Ibu bapa hendaklah sentiasa berwaspada dengan perkembangan mereka. Jika mereka mengikut peraturan dengan betul, ibu bapa haruslah menunjukkan rasa bangga mereka kepada anak-anak.

Rumusan daripada apa yang boleh dijangkakan pada tahap umur ini ialah anak-anak sudah mula memahami dengan apa yang mereka cakapkan. Oleh itu ibu bapa harus mengawasi apa yang mereka cakapkan. Hal ini kerana percakapan mereka mempengaruhi perbuatan mereka juga. Oleh itu ibu bapa harus berwaspada dengan perkembangan mereka.

**Dari 11 Tahun dan ke Atas**

Ibu bapa boleh jangkakan anak-anak melakukan perkara berikut, iaitu anak-anak mula menghayati dan pakar berbahasa dalam penjelasan. Selain itu, anak-anak sudah mula bijak memberi respon yang positif tentang topik yang dibualkan walaupun perbualan itu antara mereka dengan orang dewasa.

Akhir sekali, pada tahap umur ini anak-anak sudah mula pakar dalam apa jua yang perbualan dan penjelasan mereka. Walaupun begitu, ibu bapa masih lagi perlu memantau semua aktiviti dan perbualan mereka. Di samping ibu bapa harus bijak dan kreatif dalam membentuk anak-anak yang makin bijak dalam memberi respon penjelasan ini.

### **PANDANGAN LAIN TENTANG PERKEMBANGAN ADAB PERCAKAPAN (BAHASA)**

Umur	Perkembangan bahasa
Lahir	(1) Menangis (2) Lebih suka kepada suara manusia, berbanding bunyi lain (3) Dapat membezakan fonem
1 hingga 4 bulan	(1) Mendekut, misalnya “oo_oo_oo_ooo” dan “aa_aa_aa_aaa”
6bulan	(1) Mericau, misalnya “ma_ma_ma_ma_maa” atau “ba_ba_ba_ba_baa”
9-12 bulan	(1) Lebih banyak mericau (2) Mula mencantumkan suku kata untuk meniru perkataan yang menghampiri bahasa ibunda, misalnya “mama_mama_mama_mama_mamaa” atau “aba_aba_aba_aba_abah”
12-18 bulan	(1) Menyebut perkataan seperti “mama” untuk memanggil ibunya.
18-24 bulan	(1) Berlaku cetusan pembendaharaan kata
2tahun	(1) Menyebut ayat gabungan dua perkataan
5-½2tahun	(1) Menyebut ayat gabungan tiga perkataan (2) Lebih banyak perbendaharaan kata, mula menggunakan sintaksis (3) Faham akan lawak jenaka dan metafora (4) Faham pragmatic

(Rohani Abdullah, 2001:144)

Jadual ini menunjukkan tentang ringkasan pandangan lain tentang perkembangan bahasa. Pandangan ini lebih khusus kepada asas patah perkataan yang kebiasaan menjadi proses percakapan bahasa kepada anak-anak. Menangis juga adalah salah satu cara untuk mereka untuk berkomunikasi di awal umur kanak-kanak sehinggalah mereka

boleh bertutur dengan normal berkadaran dengan peningkatan umur mereka.

## PERKEMBANGAN FONOLOGIKAL

Umur	Kebolehan fonologi
Baru lahir - 1 tahun	<ol style="list-style-type: none"> <li>(1) Boleh mengeluarkan bunyi seperti “oo_oo_oo_ooo” dan mengagah “aa_aa_aa_aaa”</li> <li>(2) Bunyi vokal berubah menjadi bebelan seperti “mamamama” apabila menghampiri umur setahun</li> <li>(3) Boleh menyebut suku kata “mama” apabila berumur setahun</li> </ol>
1 tahun - 2 tahun	<ol style="list-style-type: none"> <li>(1) Mengulang suku kata, menampilkan sedikit pengetahuan tentang beberapa perkataan</li> <li>(2) Berminat untuk berbual dan tidak lagi memebel</li> <li>(3) Mengeluarkan bunyi yang paling rendah, bermula dengan konsonan berakhir dengan vokal</li> <li>(4) Mengetahui kesinambungan bunyi</li> </ol>
2 tahun - 5 tahun	<ol style="list-style-type: none"> <li>(1) Kematangan peralatan vokal dan berusaha untuk mengatasi masalah sebutan</li> <li>(2) Sebutan bertambah baik dan dapat dikawal</li> <li>(3) Mengulang seni kata lagu atau puisi yang mudah</li> </ol>
6 tahun - 10 tahun	<ol style="list-style-type: none"> <li>(1) Memahami penekanan khas yang membezakan maksud perkataan “sebatang pensil” dan “batang kayu”</li> <li>(2) Pertukaran penekanan apabila perkataan berubah daripada perbuatan kepada nama</li> <li>(3) Memahami seni kata lagu atau puisi</li> </ol>
11 tahun dan keatas	<ol style="list-style-type: none"> <li>(1) Mencuba berbual seperti orang di sekelilingnya</li> <li>(2) Cuba menyesuaikan cara untuk menghasilkan bunyi yang memberi maksud bersesuaian dengan budaya</li> <li>(3) Menghasil seni kata lagu atau puisi</li> </ol>

(Rohani Abdullah (2001):148-149)

Perkembangan fonologikal merupakan komponen perkembangan bahasa yang berkaitan dengan pemahaman dan pengeluaran bunyi-bunyi bahasa pertuturan. Antaranya ialah kebolehan untuk mengesan

perbezaan antara fonem, seperti perbezaan antara bunyi “ba” dan “pa”. Jadual 5.2: perkembangan Fonologi

## KESIMPULAN

Bahasa merupakan aspek terpenting dalam perkembangan kanak-kanak. Sebelum proses ini berlaku bayi telah mula belajar dan memahami tentang konsep dan bentuk dalam persekitarannya sebelum mereka belajar dan mula bercakap untuk bahasa pertama. Tangisan adalah isyarat bahasa yang pertama oleh bayi untuk meminta atau memberitahu sesuatu kepada ibunya. Seterusnya gerak geri bayi juga adalah salah satu isyarat bahasa untuk mereka dan diikuti dengan perkembangan fonologikal seperti “ba”, “ma” dan “pa”. Dollaghan (1995: 449-454), mengatakan bahawa kanak-kanak yang berumur dua tahun sudah mula memahami maksud sesuatu perkataan. Semasa proses perkembangan umur kanak-kanak inilah ibu bapa perlu menerapkan nilai-nilai murni kepada anak-anak. Ibu bapa haruslah menekankan perbezaan antara perkara-perkara yang baik dan perkara-perkara yang tidak baik yang tidak perlu dicontohi oleh anak-anak. Tambahan pula Islam juga telah menunjukkan bahawa pentingnya penerapan ini untuk anak-anak seperti perkara sunat yang umat Islam lakukan kepada bayi yang baru lahir iaitu mengazan dan mengiqomatkan ke telinga anak. Mengapa azan? Adalah wajar kerana azan dan iqomat yang dihembuskan ke telinga anak-anak adalah kalimah seruan yang maha agung, kalimah yang mengandungi saksi (syahadah) terhadap keesaan Allah dan persaksian tentang kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. itu pesuruh Allah. Dalilnya hadis Nabi s.a.w. (al-Tarmidhi, 1994: 1436):

رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ أَذَّنَ فِي أُذُنِ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ حِينَ وَلَدَتْهُ  
فَاطِمَةُ بِالصَّلَاةِ

Terjemahan: *Aku melihat Rasulullah s.a.w mengazankan dengan azan solat di telinga Hasan b. Ali ketika Fatimah r.a. melahirkannya. (Tarmidzi, Abu Dawud, Ahmad)*

*(Al-Tirmidhi)*

Selain itu, setiap agama dan budaya lain juga mempunyai perbezaan cara dalam menerapkan nilai-nilai murni untuk anak-anak. Namun begitu objektif utamanya adalah sama iaitu ingi anak-anak dapat menjaga dalam adab percakapan. Ibu bapa haruslah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan bahasa anak-anak supaya mereka tidak tersasar jauh ke landasan adab percakapan dan bahasa yang salah. Ibu bapa juga haruslah menunjukkan model atau contoh yang baik kepada mereka kerana anak yang lahir diibaratkan sehelai kain putih dan mereka adalah amanah Allah kepada ibu bapa. Dari Abu Hurairah, Rasulullah s.a.w. telah bersabda bahawa (Muslim, 2001: 4803):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يَهُودَانِهِ وَيَنْصَرَانِهِ وَيَمَجْسَانِهِ

Maksud: *Abu Hurairah r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Setiap anak dilahirkan di atas fitrah (suci murni) melainkan ibu bapanya yang menyahudikannya atau mengkeristiankannya atau memajusikannya."*

*(Muslim)*

Tambahan lagi ibu bapa haruslah menamakan nama anak-anak mereka dengan nama yang elok. Memanggil nama anak juga adalah salah satu proses dalam perbualan (bahasa). Di samping itu memilih nama anak yang baik adalah tuntutan dalam Islam dan ia sedikit sebanyak mempengaruhi sifat peribadi seseorang muslim.



Abu Daud meriwayatkan daripada Abu Darda r.a bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda (Abu Dawud, 1994: 4297):

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِنَّكُمْ تُدْعُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ  
بِأَسْمَائِكُمْ وَأَسْمَاءِ آبَائِكُمْ فَأَحْسِنُوا أَسْمَاءَكُمْ

Maksud: *Abu Darda ia berkata, "Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya pada hari kiamat kelak, manusia akan dipanggil menghadap Allah dengan nama masing-masing dan nama bapa masing-masing (seperti nama di dunia). Oleh itu, pilihlah nama yang baik-baik untuk kamu sekalian"*

(Abu Dawud)

Semoga ibu bapa dapat mendidik anak-anak dengan cara hidup bersyariat. Ianya bonus kerana ibu bapa bukan hanya dapat melahirkan seorang anak yang menjaga dalam adab percakapan namun ibu bapa juga dapat memperoleh anak-anak yang soleh dan solehan. Semoga mereka juga selalu mendoakan ibu bapa dalam doanya.

## RUJUKAN

- Abu Dawud, al-Imam Abu Dawud Sulaiman b. al-Ash'ath al-Sajastani. 1994. *Sunan Abi Daud*. Jil. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad b. Hambal, al-Imam Abu 'Abdullah ibn Muhammad ibn Hambal ibn Hilal al-Shaibani. 1994. *Musnad li al-Imam Ahmad ibn Hambal*. Juz. 1-12. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Al-Bukhari, al-Imam. 1994. *Sahih Al-Bukhari*. (Tahqiq: Shaikh Abd al-Aziz 'Abdullah). Jil. 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1999. *Sahih Al-Bukhari*. (di cetak bersama Fath al-Bari). Arab Saudi: Bait AL- Afkar al-Dauliyyah
- Al-Darimi, Abu Muhammad Abdullah b. Bahram. t.t. *Sunan al-Darimi*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Nasa'i , al-Imam al-Hafiz Abu 'Abd al-Rahman Ahmad ibn Shu'aib ibn 'Ali ibn Bahr ibn Sinan ibn Dinar. 1930. *Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti Wa Hasiyah al-Imam al-Sundi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa'i, Ahmad bin Shu'aib Abu 'Abd al-Rahman. 1991. *Sunan al-Nasa'i al-Kubra*. Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tirmidhi, al-Imam. 1994. *Sunan al-Tarmidhi*. Jilid 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Bloom, L. 1990. *Developments in expression : Affect and speech*. In N. Stein & T. Trabasso (Eds.) *Psychobiological Approaches to Emotion*. Hillsdale, NJ: rlbau
- Bloom, L. 1991. *Langugage Development from Two to Three*. New York : Cambridge University Press
- Christine Brain and Penny Mukherji. 2005 *Understanding Child Psychology, United Kingdom* : Nelson Thornes a Wolters Kluwer business
- Dato' Ismail Kamus , Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid (1948) *In-dahnya Hidup Bersyariat cetakan mac 2009*, Rawang Selangor : Telaga Biru Sdn. Bhd
- Dollaghan, C. 1985. *Child meets word : "Fast mapping" in preschool children*. *Journal of speech and Hearning research* 28:449-454
- E. Mavis Hetherington (university of Virginia) Ross D. Parke (university of California- Riverside) 2003. *Child Psychology- A comtemporary viewpoint*. United States: McGrawHill Companies
- Gleitman, L., Gleitman, H., Landau, B. & Wanner E. 1998. *Where learning begins: Initial presentation for language learning*. In F. Newmeyer (Ed), *Language: Psychological and Biological Aspect*, Cambridge, UK : Cambridge University Press.
- Kamus Dewan*. 2005. Bahasa Edisi Ke-4. Kuala Lumpur: Penerbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Kasmini Kassim. 1993. *Memahami Jiwa Kanak-Knak. Petaling Jaya*: Kafarina Holdings Sdn. Bhd.
- Mahmud Yunus. 2012. *Tafsir Quran Al Karim*, Kuala Lumpur: Victory Agencie
- Muslim, al-Imam Abu al-Husain Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Qushairi al-Naisaburi. 2001. *Sahih Muslim*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Rohani Abdullah. 2001. *Perkembangan Kanak-Kanak Penilaian Secara Portfolio*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sheikh Abdullah Basmeih, disemak dan disahkan oleh Sahibul Fadhillah, datuk Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim 1992. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman k e p a d a Pengertian Al-Quran (30 JUZ)*, Dengan izin dibawah kawalan JAKIM, Pusat Islam Malaysia, Jalan Perdana KL.: Pencetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Vavalian, V.V. 1991. *Syntatic subjects in the early speech of American and Italian children*. *Cognition* 40:21-81.